

01 FEB 1997

Najib - Guru

GURU AKAN JADI FASILITATOR DALAM ERA TEKNOLOGI MAKLUMAT

KOTA BAHARU, 1 Feb (Bernama) -- Malaysia memerlukan guru yang berperanan sebagai pemudah cara atau fasilitator ketika memasuki era Teknologi Maklumat (IT), kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Beliau berkata, era teknologi maklumat itu menuntut supaya para guru memiliki kemahiran penggunaan komputer yang tinggi supaya pengajaran yang disampaikan kelak tidak sebagaimana yang dipraktikkan sebelum ini.

"Dalam era teknologi maklumat, ilmu diperolehi melalui komputer dan ini merupakan perubahan besar kepada peranan asas guru dalam sistem pendidikan negara," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa anjuran Pergerakan Wanita UMNO Kelantan di sini, malam tadi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Alor Setar semalam bahawa negara sedang memasuki era teknologi maklumat yang memerlukan semua golongan rakyat memiliki ilmu dan kemahiran dalam bidang berkenaan.

Sehubungan itu, Najib berkata, Kementerian Pendidikan sedang merombak kurikulum latihan perguruan supaya bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat.

"Teknologi maklumat sememangnya merupakan mata pelajaran yang diwajibkan untuk semua pelatih di Maktab Perguruan termasuk mereka yang mengambil kursus pra perkhidmatan iaitu di peringkat diploma," katanya.

Kementerian juga sedang melengkapkan maktab perguruan dengan peralatan komputer yang mencukupi, katanya.

Najib juga berkata, guru terpaksa mahir dalam bidang komputer apabila konsep Sekolah Bistari iaitu semua mata pelajaran diajar menggunakan komputer, dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Jan, 1999.

Beliau berkata, pada peringkat pertama, Sekolah Bistari akan diwujudkan di kawasan Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan beberapa kawasan di Cheras, Klang dan Maktab Perguruan Kuala Kangsar.

Walaupun pada peringkat awal Sekolah Bistari tidak diwujudkan di kawasan luar bandar, tetapi sekolah-sekolah berkenaan (Sekolah Bistari) akan dilengkapi dengan asrama bagi membolehkan pelajar luar bandar dihantar ke sekolah berkenaan, katanya.

Di samping itu, berkata, sekolah-sekolah luar bandar akan dilengkapi dengan komputer dalam tempoh Rancangan Malaysia ketujuh, kata beliau. --

BERNAMA

BD FAZ